



NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 53

7hb Mei 2009

No. 10

No. 231.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa di bawah seksyen 35 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 [*En. No. 7 tahun 2002*] dan telah dikemukakan kepada Majlis oleh Mufti, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa, menurut subseksyen 36(3), dan telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong di bawah subseksyen 36(4) bagi penyiaran fatwa itu dalam *Warta* dan telah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri menurut subseksyen 36(6) fatwa itu adalah disiarkan dalam *Warta* di bawah subseksyen itu.

JADUAL

A. Status Bangunan Yang Telah Siap Dibina Di Atas Tanah Wakaf

- (i) Bangunan yang telah siap dibina di atas tanah wakaf tidak menjadi wakaf secara automatik. Sekiranya Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji bagi pihak Kerajaan Persekutuan ingin mewakafkannya, ia tidak menjadi halangan.
- (ii) Bangunan tersebut perlu didaftarkan sebagai harta wakaf yang baru dan perlu memenuhi rukun-rukun wakaf dan enakmen negeri-negeri.

B. Pembangunan Menggunakan Dana Program Pembangunan Harta Wakaf Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) Di Atas Tanah Baitulmal Milik Majlis Agama Islam Negeri

- (i) Tanah Baitulmal milik Majlis Agama Islam Negeri dan bangunan yang dibina di atas tanah tersebut yang menggunakan dana Program Pembangunan Harta Wakaf Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) boleh didaftarkan sebagai harta wakaf.
- (ii) Untuk memenuhi dan mematuhi peraturan syariah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji hendaklah merujuk kepada syarat-syarat wakaf yang sedia ada.

C. Pemajakan Tanah Wakaf Kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan

Tanah wakaf boleh dipajak tetapi tidak boleh dijual.

D. Penjualan Pajakan Unit Kedai/Kediaman/Ruang Pejabat Yang Telah Dibangunkan Di Atas Tanah Wakaf

- (i) Unit-unit kediaman atau kedai yang dibina di atas tanah wakaf boleh dipajak kepada individu bagi tempoh jangka panjang.
- (ii) Syarat dan kaedah yang perlu dipatuhi supaya menepati keperluan syara' adalah berdasarkan akad pajakan (sewaan).

E. Status Kerajaan Persekutuan Dalam Pembangunan Tanah Wakaf

- (i) Kerajaan Persekutuan boleh dianggap sebagai pewakaf dengan syarat peruntukan yang disediakan untuk membangunkan tanah wakaf diniat untuk wakaf.
- (ii) Sebagai pewakaf, kerajaan berhak menentukan syarat-syarat harta yang diwakafkan. Sungguhpun begitu, pelantikan nazir tidak dibenarkan kerana bercanggah dengan enakmen sedia ada.

F. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji Sebagai “Pemegang Amanah Dana Program Pembangunan Harta Wakaf Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji boleh menjadi pemegang amanah dana Program Pembangunan Harta Wakaf Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) melalui Entiti Wakaf Kebangsaan yang akan ditubuhkan menerusi usahasama ekonomi dengan Majlis Agama Islam Negeri dengan syarat mendapat persetujuan kedua-dua belah pihak di antara Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.

G. Wakaf Wang dan Haji

Berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan di dalam Islam.

H. Pengecualian Atau Remitan Cukai Tanah Terhadap Harta Wakaf

Harta wakaf wajar mendapat pengecualian daripada cukai.

Bertarikh 3 April 2009

[JMM/BFB(S)/351/255/03/01(11);

PUNM. 700-02/37]

DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM

*Pengarah/Chairman,
Majlis Agama Islam Melaka*